



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	5/8/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Gajah berkeliaran di Hulu Tembeling

JERANTUT – Senario gajah liar berkeliaran di pinggir perkampungan sekitar pedalaman Hulu Tembeling kini menjadi perkara biasa bagi penduduk di kawasan pedalaman itu.

Kejadian itu dipercayai berlaku kerana haiwan liar berkenaan sudah ketiadaan kawasan habitat dan kekurangan makanan akibat penerokaan hutan yang dilakukan termasuklah untuk pertanian dan perladangan.

Penduduk Hulu Tembeling, Suhaidi Erwan, 40, yang merakam kumpulan gajah berkenaan berhampiran jalan ke Kampung Kuala Sat berkata, gajah liar berkenaan sering kelihatan

di kawasan itu secara berkumpulan.

"Saya dalam perjalanan ke Kuala Tahan, tiba-tiba terserempak dengan kawanan haiwan liar ini yang terdiri daripada tujuh ekor termasuk dua anak.

"Kawanan gajah ini keluar dari hutan berdekatan kemungkinan mencari makanan kebiasaannya pada sebelah malam hingga awal pagi di kawasan pinggir kampung dan ladang sawit berdekatan," katanya di Kampung Kuala Sat di sini semalam.

Menurut Suhaidi, ketika terserempak dengan manusia dan terdengar bunyi kenderaan, kumpulan gajah ini akan cepat beredar masuk ke dalam hutan

semula untuk bersembunyi dan keluar pada sebelah malam.

Katanya lagi, ramai penduduk pernah terserempak dengan kumpulan gajah liar melintas jalan untuk memasuki kawasan tanaman penduduk kampung.

"Biasanya selepas dapat makanan, kumpulan gajah ini akan masuk semula ke hutan simpan dan merayau ke tempat lain pula bagi mencari sumber makanan lain pula.

"Kawanan gajah liar ini tidak pernah mengganggu penduduk malahan perkara ini menjadi pemandangan biasa bagi sesetengah pengguna jalan raya antara Kampung Tuit Kuala Tahan ke Kampung Kuala Sat," ujarnya.

Kosmo, 5 Ogos
2021_12



TANCKAP layar sekumpulan gajah melalui sekitar jalan di Kampung Kuala Sat, Hulu Tembeling baru-baru ini.

